



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 Oktober 2023

## KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

### Prosiding Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Bhd. (HRD Corp.)

1. Seperti yang saya maklumkan sebelum ini, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan prosiding berhubung Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Bhd. (HRD Corp.) pada 23 Oktober 2023 dengan memanggil **Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan **Datuk Wira Shahul Dawood**, Ketua Eksekutif HRD Corp.
2. Berikutan isu ini tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), PAC menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (d), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR), PM 83 (2) PPMMDR, Arahan Perbendaharaan 301 Tahun 2023 dan Seksyen III Perkara 11 (b) Pekeliling Am No. 2 (1982) untuk mengadakan prosiding ini.
3. Hasil daripada prosiding pertama yang diadakan, PAC memutuskan bahawa 2 lagi prosiding berhubung Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp. diadakan iaitu pada 1 dan 2 November 2023.

4. Saksi yang akan dipanggil untuk memberi keterangan dan penjelasan pada prosiding 1 November 2023, Rabu ialah wakil Kementerian Kewangan dalam HRD Corp. yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan. Manakala, keesokan hari pada 2 November 2023, Khamis PAC akan mendengar keterangan **YB Tuan V. Sivakumar**, Menteri Sumber Manusia.
5. Keputusan memanggil kedua-dua saksi ini, adalah disebabkan nama mereka disebut dalam prosiding pertama dan untuk berlaku adil kepada mereka.
6. Sehubungan itu, saya mohon supaya saksi-saksi berkenaan hadir bagi membantu PAC melengkapkan siasatan berhubung perkara ini.
7. Saya juga ingin menjelaskan kepada media bahawa semua prosiding PAC tertakluk kepada PM 85 PPMMDR dan maklumat yang diperolehi adalah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Sehubungan itu, saya kesal dengan tindakan portal berita **SCOOP** pada 24 Oktober 2023 yang memaparkan artikel bertajuk “**PAC bimbang kurang pemantauan dalam HRD Corp**” dengan menggunakan sumber yang tak disahkan.
8. Ini jelas melanggar PM 85 PPMMDR dan saya berharap media perlu lebih bertanggungjawab dengan mendapatkan berita daripada sumber yang sah.

**Laporan PAC Berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combat Ship (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Di Bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) Bagi Tempoh Jun Hingga September 2023**

9. Seterusnya, PAC sedang memuktamadkan laporan berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) bagi tempoh Jun hingga September 2023.
  
10. PAC kini dalam proses penyediaan laporan berhubung isu ini dan kita jangkakan laporan ini akan dapat dibentangkan dalam mesyuarat kali ini.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**